

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 01 APRIL 2014 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Hujan bukan disebabkan pembenihan	Berita Harian
2	Teknologi satelit terhad kesan imej dalam air	Sinar Harian
3	Siasat aktiviti Red Bean Army	Berita Harian
4	Kes curi talian wifi	Harian Metro
5	Parlimen: SKMM terima enam kes curi talian wifi, tiga dikenakan tindakan mahkamah - Jailani	Bernamea.com

Hujan bukan disebabkan pembenihan

Kuala Lumpur: Hujan sejak minggu lalu adalah perubahan iklim yang biasa berlaku di negara ini dan bukan hasil pembenihan awan.

Pengarah Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan Jabatan Meteorologi Malaysia, Azhar Ishak, berkata pembenihan awan terakhir diadakan pada 21 Mac.

"Taburan hujan di Semenanjung semakin meningkat tetapi jabatan tidak bercadang menghentikan pembenihan awan ketika ini.

"Pembenihan awan akan dimulakan semula minggu ini di utara Semenanjung terutama di kawasan yang mencatatkan tahap kepanasan tinggi atau cuaca kering," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Teruskan catuan bekalan air

Sementara itu, di Ipoh, Lembaga Air Perak (LAP) meneruskan catuan bekalan air di beberapa lokasi di Taiping dan Kamunting berikutan paras air di kawasan tadahan belum membolehkan catuan dibatalkan.

Ketua Eksekutif LAP, Datuk Mohd Yusuf Mohd Isa, berkata walaupun hujan lebat dilaporkan di beberapa kawasan di sekitar Taiping beberapa hari kebelakangan ini, ia belum cukup meningkatkan paras air di kawasan tadahan.

"Hujan Sabtu lalu di kawasan tadahan air tidak memadai bagi membolehkan catuan air yang diumumkan sebelum ini ditarik balik atau dibatalkan.

"Ketika ini, hujan tidak memberi kesan ketara terhadap paras air di kawasan tadahan," katanya.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (TRAGEDI MH370) : MUKA SURAT 08
TARIKH: 01 APRIL 2014 (SELASA)

Teknologi satelit terhadap kesan imej dalam air

SHAH ALAM – Satelit tidak mempunyai keupayaan untuk mengesan imej dalam air, kata Ketua Pegawai Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB), Datuk Dr. Ahmad Sabirin.

Menurut beliau, keupayaan teknologi satelit mempunyai had tertentu.

“Tanggapan orang ramai, satelit boleh memberikan semua jawapan. Ia hanya boleh memberi sistem komunikasi, pengimejan, tiada satelit boleh mengesan objek dalam air.

“Ia hanya boleh mengesan objek pada permukaan air saja. Untuk me-

lihat dalam air, kita perlu ada sensor ultrasonik bagi mengesan kotak hitam seperti hydraphone atau ‘ping locator’ ataupun sonar,” katanya dipetik dalam portal berita *Astro Awani*.

Bagaimanapun, teknologi satelit boleh digunakan untuk membantu teknologi lain bagi mengesan kotak hitam pesawat MH370 di Lautan Hindi.

Ketua Jabatan Sistem Komputer dan Komunikasi Universiti Putera Malaysia (UPM), Dr Iqbal Saripan berkata, pakar oseanografi boleh katakan serpihan itu bergerak ke tempat lain dengan meng-

gunakan prinsip matematik.

Berdasarkan itu, pasukan mencari dan menyelamat (SAR) boleh mengetahui lokasi mana yang perlu diberi perhatian.

Isnin lalu, Tentera Laut Amerika Syarikat telah menghantar pengesan kotak hitam bagi operasi SAR pesawat MH370 di Lautan Hindi.

Sistem pengesan itu bergantung pada alat akustik untuk membantu mengesan lokasi kotak hitam terhempas dan terdampar 6,000 meter di bawah aras laut.

Siasat aktiviti Red Bean Army

Kerajaan diminta menyiasat secara terperinci aktiviti tentera siber pro-pembangkang, *Red Bean Army* (RBA) yang didakwa sering memfitnah serta memburukkan pemimpin negara sehingga menimbulkan curiga mereka mungkin tali barut media asing.

Datuk Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) berkata, RBA dilihat begitu kebal dan gemar menghebahkan berita berunsur fitnah, namun tiada sebarang tindakan dilihat diambil oleh Suruhanjaya Ko-

munikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) terhadap dalangnya.

“Saya persoalkan kenapa SKMM tidak ambil tindakan, bukan susah untuk kenal pasti identiti mereka. Apa kerja SKMM sebenarnya? Jangan sampai gerakan siber ini mengeruhkan lagi keadaan dalam negara,” katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014 bagi bacaan kali kedua peringkat dasar semalam.

Katanya, SKMM perlu serius

menangani perkara itu kerana ia bukan lagi satu permainan, sebaliknya RBA ada agenda tersendiri dalam usaha mencemarkan imej negara.

Bung Moktar memberi contoh, Singapura mewujudkan sedikit kawalan terhadap internet, malah Amerika Syarikat yang kononnya mengamalkan kebebasan bersuara, turut mengekang sepenuhnya aktiviti yang boleh menjejaskan keharmonian dan keselamatan negara mereka.

Kaji semula akta

Sementara itu, Datuk Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong) ketika mencelah perbahasan itu, berkata kerajaan wajar mengkaji semula Akta Komunikasi dan Multimedia yang mungkin menyebabkan pihak berkuasa terikat sehingga un-

dang-undang dilihat lebih penting daripada keselamatan negara.

Dalam sesi soal jawab pula, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari, berkata SKMM menerima enam aduan berhubung pembekalan dan penjualan kelengkapan peranti berfungsi mencuri talian WiFi dan daripada jumlah itu, tiga kes sudah didakwa dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

“Bagi menangani masalah ini, SIRIM QAS International Sdn Bhd akan memantau pasaran secara berkala. Kementerian dan SIRIM juga menganjurkan taklimat kesedaran mengenai isu ini kepada orang awam, pemegang lesen dan agensi penguat kuasa,” katanya menjawab soalan Datuk Jumat Idris (BN-Sepanggar).

Kes curi talian Wifi

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) menerima enam aduan berhubung pembekalan dan penjualan kelengkapan peranti berfungsi mencuri talian WiFi.

Timbalan Menteri Datuk Jailani Johari (*gambar*) berkata, daripada jumlah itu sebanyak tiga kes didakwa dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

Katanya, bagi menangani masalah itu, SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM) akan memantau pasaran secara berkala bagi mengesan kewujudan kelengkapan peranti yang berfungsi mencuri talian teknologi tanpa wayar itu.

"Pada masa sama, kementerian dan SIRIM turut menganjurkan taklimat kesedaran mengenai isu berkenaan kepada orang awam, pemegang lesen serta agensi penguatkuasaan undang-undang," katanya menjawab soalan Datuk Jumat Idris (BN-Sepanggar).

Jumat ingin mengetahui aktiviti mencuri talian WiFi dan langkah mengatasi kerugian pelanggan.

Beliau berkata, kementerian memandang serius



penggunaan peranti yang menjadi satu kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Kementerian melalui SKMM juga sudah mengeluarkan satu nota nasihat bagi menjelaskan bahawa di bawah Seksyen 239 dan Seksyen 232 akta berkenaan sesiapa yang menggunakan peranti bukan standard akan dikenakan penalti tidak melebihi RM100,000.

"Jadi, sekiranya masih terdapat mana-mana pihak yang masih menjual barangan berkenaan kita nasihatkan pengguna berhubung dengan kementerian melalui forum pengguna," katanya.



Parlimen: SKMM Terima Enam Kes Curi Talian WiFi, Tiga Dikenakan Tindakan Mahkamah - Jailani

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat Isnin diberitahu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menerima enam aduan berhubung pembekalan dan penjualan kelengkapan peranti yang berfungsi mencuri talian WiFi.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Jailani Johari berkata daripada jumlah itu, tiga kertas siasatan dibuka dan tindakan sewajarnya telah diambil.

"Sehingga kini, tiga kes melibatkan kesalahan membekal atau menjual kelengkapan yang berfungsi mencuri talian wifi telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah," katanya menjawab soalan Datuk Jumat Idris (BN-Sepanggar) pada sesi soal jawab Isnin.

Jumat ingin tahu berhubung aktiviti mencuri talian WiFi dan apakah yang dilakukan kementerian bagi mengatasi kerugian di kalangan pelanggan.

Jailani berkata kebanyakan aktiviti mencuri talian WiFi dikesan menggunakan peranti seperti WiFi booster, sejenis gajet yang boleh menguatkan isyarat bagi menarik isyarat wifi dalam jarak antara satu hingga tiga kilometer.

Beliau berkata bagi mengelak aktiviti itu berleluasa, SKMM menjalin kerjasama dengan **Sirim Berhad** bagi pemantauan pemasaran secara berkala di seluruh negara bagi memastikan penjualan kelengkapan atau peranti itu dapat dibendung.

Selain itu, SKMM bersama SIRIM turut menganjurkan taklimat kesedaran mengenai kewujudan kelengkapan atau peranti komunikasi kepada pihak awam, para pemegang lesen dan agensi-agensi penguatkuasa undang-undang yang lain, katanya.

Jailani berkata kementerian memandang serius penggunaan peranti yang merupakan satu kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, sambil menasihatkan pengguna agar sentiasa memastikan kata laluan disimpan dengan baik supaya tidak mudah diceroboh.

-- BERNAMA